

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (2/2009)

TARIKH : **7 OGOS 2009 (RABU)**
MASA : **9.30 PG – 12.30 TENGAHARI**
TEMPAT : **PERPUSTAKAAN TUN SRI LANANG,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Hadir:

Puan Hajjah Nooraini Ismail	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
Puan Noorhashimah Aris	(UIAM)	-	Setiausaha I
Puan Hafsa Mohd	(UKM)		
Puan Norbaya Muda	(UIAM)	-	Pencatat minit
Puan Mastura Buang	(FRIM)		
Puan Fatimah Abd Aziz	(FRIM)		
Encik Mohammad Ariff Ahmad	(MPOB)		
Encik Ahmad Munawar M. Anwar	(OUM)		
Puan Noormala Maarof	(UiTM)		
Puan Hani Liza Hj Norfin	(UiTM)		
Puan Rosnah Yusof	(UKM)		
Encik Abdul Muhamin Sabron	(UKM)		
Cik Nona Zurena Masenwat	(PPUKM)		
Cik Sutarmi Kasimum	(UM)		
Encik Hairuladzhar Mohd Hamdi	(UMK)		
Encik Zawawi Tiyunin	(UMS)		
Puan Wan Rosnida Wan Mohamad	(UMT)		
Puan Norakmal Abd Karim	(UNIMAP)		
Encik Mohd Nizam Mahat	(UNITEN)		
Encik Muzaffar Shah Kassim	(UPM)		
Puan Yafiza Abdul Halim	(UPNM)		
Puan Sukmawati Muhamad	(USM)		
Encik Mohd Fuad Haron	(IPPT, USM)		
Puan Rasida Abu Bakar	(UteM)		
Encik Mohd Khairul Naser Ibrahim	(UTHM)		
Puan Khairulbahiyah Yaakub	(UTM)		
Puan Wan Kartini Wan Sulaiman	(UPSI)		

Kata-kata Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK, termasuk En Mohd Fuad Haron dari IPPT, USM yang pertama kali menghadiri mesyuarat JKPDK.

AGENDA

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat JKPDK Bil. 1/2009

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat yang tersebut beberapa penambahan pada perkara:

4. Oxford Islamic Studies Online (OISO) -- hanya USM berminat untuk melanggan, manakala UPM masih lagi mempertimbangkannya. Dengan ini, langganan secara konsortium tidak dapat dilaksanakan.

5.1 50 Lessons -- Hampir kesemua IPTA tidak dapat akses PDK tersebut. Hanya UPM dan USM tiada masalah akses. Pengerusi menasihati Institusi yang ingin melanggan, agar menunggu masalah akses selesai bagi mengelakan vendor bersikap lepas tangan.

5.2 CRCneTBASE -- Pengerusi memaklumkan bahawa tawaran harga USD10,000 yang diberikan oleh Access Dunia untuk one-time purchased secara konsortium PDK tersebut telah dibatalkan oleh Taylor & Francis. Campur tangan berlaku setelah Taylor & Francis membeli CRC dan merasakan pakej yang ditawarkan oleh Access Dunia harga yang ditawarkan begitu murah. Pada harga USD10,000, pihak Taylor & Francis hanya boleh menawarkan pakej langganan selama 18 bulan dan bukannya one-time purchased.

5.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan -- Pn Noorhasimah membacakan email dari Pn Korina yang ingin tahu lebih lanjut mengenai surat pekeliling ini dan hasil rundingan dengan KPT.

5.3.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Pn Normala bahawa perjumpaan yang dilakukan oleh pihak UiTM dengan KPT berkenaan pekeliling tersebut adalah khusus kepada UiTM sahaja. Pengerusi menegaskan bahawa tidak semua insitusi mengikut surat pekeliling tersebut dan mencadangkan agar mesyuarat menyenaraikan masalah-masalah yang akan dihadapi jika institusi mengikut pekeliling tersebut.

5.3.2 Mesyuarat bersetuju bahawa surat pekeliling perbendaharaan tersebut tidak sesuai bagi perolehan jurnal kerana adalah mustahil untuk menukar vendor (melalui open tender) tiap-tiap tahun kerana:

- Sulit bagi vendor untuk membekalkan jurnal dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Menyukarkan proses "claming" bahan dan "claiming credit note".
- Menyukarkan proses penilaian prestasi pembekal.
- Perpustakaan mungkin akan menghadapi masalah untuk menghabiskan bujet kerana proses pemilihan pembekal melalui open-tender akan memakan masa yang agak lama.
- Perpustakaan tidak dapat memenuhi KPI yang telah ditetapkan.

- Kemungkinan perpustakaan membeli buku-buku elektronik atau PDK yang lain sebagai langkah untuk menghabiskan bujet, sedangkan kesemua pembekal bagi sumber elektronik tersebut adalah bukan bumiputera
 - Merugikan pembekal bumiputera
- 5.3.3 Pengerusi menyatakan bahawa PERPUN dan Persatuan Pembekal telah menghantar kertas cadangan kepada KPT bagi tujuan permohonan pengecualian daripada mengikut pekeliling tersebut, namun menurut Pn Normala (UiTM) justifikasi yang diberikan lebih kepada pembelian buku dan tidak termasuk perolehan jurnal dan sumber elektronik.
- 5.3.4 En Muzaffar mencadangkan agar perkara tersebut dibawa terus kepada pihak KSN. Pengerusi mencadangkan agar semua nantikan hasil daripada permohonan pengecualian tersebut terlebih dahulu.

5.7 'Mati stem' untuk Lesen Perjanjian

- 5.7.1 Pn Bahiyah (UTM) memaklumkan bahawa mati stem boleh dilakukan di LHDN, namun menurut pekeliling LHDN yang terkini, nilai stem adalah 10% dari jumlah keseluruhan kontrak dan bukannya RM10 seperti yang telah sedia maklum. Tindakan mati stem tidak dapat dilaksanakan.
- 5.7.2 Pn Hafsa menyatakan UKM juga telah melakukan mati stem, namun tidak maklum mengenai perkara yang disampaikan oleh Pn Bahiyah. En Munawar (OUM) memaklumkan tiada masalah untuk mati kan stem. Bayarannya RM10.

Tindakan: MAKLUMAN/Pengerusi

2. Cadangan Langganan PDK-MOHE 2010-2012

- 2.1 Pengerusi memaklumkan status terkini langganan PDK-MOHE 2010-2012 adalah pada dasarnya dipersetujui oleh KPT. Namun perkembangan terbaru yang diberitakan kepada Pn Noorhasimah pada pertemuannya dengan En Nordin dari KPT, menyaksikan kemungkinan langganan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2010, berikut pengurangan bajet KPT sebanyak RM1 billion ringgit.
- 2.2 Pengerusi juga memaklumkan bahawa pembelian langganan PDK ini jika ingin dilaksanakan berkemungkinan bayaran kepada PDK-PDK tersebut akan diambil dari setiap institusi. Namun, Pengerusi menasihati para ahli agar tidak perlu bimbang kerana keterangan dari En Nordin tidak mewakili keputusan pihak atasan KPT, yang baru sahaja meminta beliau untuk menghantar kertas cadangan langganan buku elektronik (e-books) untuk kolej-kolej komuniti Malaysia. Kertas cadangan tersebut telah dihantar secara terus kepada Dr. Radin Ketua Pengarah KPT, pada pagi berlangsungnya mesyuarat JKPDK.
- 2.3 En Muzaffar (UPM) membangkitkan isu harga langganan konsortium bagi BLIS yang terlalu mahal iaitu kenaikan harga sebanyak 3 kali ganda jika dibandingkan dengan harga langganan BLIS pada tahun 2008/2009. Puan Pengerusi menyatakan bahawa, rundingan akan diadakan dengan BLIS bagi tujuan penurunan harga namun, sekiranya mereka enggan, Pengerusi mencadangkan para ahli untuk mempertimbangkan PDK Press Display yang merangkumi kandungan berita-berita seluruh dunia, hampir sama dengan kandungan BLIS. PDK ini dibekalkan oleh SWETS.

Tindakan: MAKLUMAN/Pengerusi

3. Permasalahan Pembekalan Judul/Bahan Bahasa Arab.

3.1 Isu ini diutarakan oleh Pn Noorhasimah, berkenaan masalah yang dihadapi oleh Perpustakaan UIA dalam mendapatkan jurnal-jurnal Arab. Ini adalah kerana pembekalan pembekal tidak dapat membekalkan jurnal-jurnal tersebut dengan sempurna menyebabkan koleksi jurnal arab tidak lengkap. Pn Noorhasimah memohon agar ahli-ahli dapat berkongsi maklumat pada masa hadapan.

Tindakan: MAKLUMAN

4. Bengkel ‘Usage Report’ 2009

4.1 Pn Noorhasimah membacakan email (salinan email diedarkan kepada semua ahli) yang dikirimkan Pn Korina (UNIMAS) berkenaan dengan Bengkel tersebut yang telah dicadangkan untuk diadakan pada 3-4 Disember 2009, di Perpustakaan UNIMAS. Had penyertaan adalah seramai 40 orang dan yuran adalah percuma.

4.2 Pn Hani Lisa (UiTM) mencadangkan agar satu pembentangan kertas kerja oleh perpustakaan bersesuaian dengan tema Bengkel iaitu “Memperkasakan Perpustakaan Melalui Penggunaan Optimum Sumber Elektronik”. Pengurus mencadangkan agar pembentangan tersebut dilakukan oleh wakil dari pembekal sekiranya tidak ada Perpustakaan yang ingin membentangkan kertas kerja tersebut.

4.3 Seterusnya undian telah diadakan bagi pembentang-pembentang bagi PDK terpilih.

Springer -- UM/UTHM

ScienceDirect -- UNITEN/FRIM

EBSCO -- UiTM/UIAM

IEEE -- USM/UTeM

EMERALD -- UPM/UMS

ACM -- UTM/UPSI

eBRARY -- OUM

ProQuest -- UKM/UUM

Pembentangan pada kali ini akan menggunakan pendekatan ROI.

Tindakan: MAKLUMAN/Pembentang

5. Pembentangan dokumentasi JKPDK

5.1 Pembentangan dilakukan oleh Pn Rosnah (UKM) bagi pihak Jawatan Kuasa Kecil Dokumentasi JKPDK. Soft copy pembentangan tersebut akan diemailkan kepada semua ahli untuk sebarang komen dan tambahan. Ahli-ahli diminta menghantar komen.

Tindakan: MAKLUMAN/Ahli Jawatankuasa Kuasa Kecil

6. Hal-hal Lain

6.1 Pn Noorhasimah (UIAM) mengumumkan bahawa Pn Rozita Ramly (OUM) dengan rasminya telah meletakkan jawatan sebagai Setiausaha II, dan menawarkan jawatan tersebut kepada ahli yang berminat. Mesyuarat sebulat suara melantik Pn Khairul Bahiyah Yaakub (UTM) untuk menyandang jawatan tersebut, dan seterusnya melaksanakan tugas tersebut pada mesyuarat JKPDK 3/2009 di Sarawak.

Tindakan: MAKLUMAN/Pn Bahiyah

6.2 En Fuad mencadangkan agar diadakan Bengkel ROI dan Bengkel Kemahiran Perundingan sekali lagi bagi mereka yang belum lagi menghadiri Bengkel tersebut. Mesyuarat bersetuju akan mengadakan Bengkel tersebut pada tahun hadapan.

7. Slot pembekal

Pembekal yang dijemput pada mesyuarat kali ini adalah ProQuest dan Taylor & Francis, namun disebabkan masalah kesihatan pihak ProQuest tidak dapat hadir.

8. Penangguhan Mesyuarat

Pengerusi menutup mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir, dan ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari. Mesyuarat yang seterusnya dijadualkan berlangsung di UNIMAS.

Disediakan oleh :
Norbaya Muda
Pustakawan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia